



Bahagian Hal Ehwal Undang
JABATAN PERDANA MENTERI

Pelan Strategik *(2010 - 2014)*



Dedikasi

Bahagian Hal ehwal Undang-Undang (BHEUU) dengan tulus ikhlas mendedikasi Pelan Strategik BHEUU 2010 - 2014 ini kepada seluruh rakyat Malaysia. Pembangunan dan kemajuan negara yang dinikmati kini ialah hasil sokongan dan sumbangan rakyat. Kerjasama anda menjadi aspirasi setiap warga BHEUU untuk terus melipat gandakan usaha dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti

KANDUNGAN

Perutusan YB Menteri	2
Sekapur Sirih	3
Latar Belakang & Fungsi	6 - 8
Visi, Misi, Objektif, Moto dan Kod Etika	9
Stakeholders dan Pelanggan	10
Piagam Pelanggan	10
Carta Organisasi BHEUU	11 - 12
Kenyataan Dasar	13 - 16
Teras Strategik BHEUU	17
- Teras 1	18 - 19
- Teras 2	20 - 22
- Teras 3	23 - 27
- Teras 4	28 - 32
Jadual Pelaksanaan	33 - 42
Penutup	43 - 44

Perutusan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri



YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, Pelan Strategik Lima Tahun (2010–2014) Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, telah disiapkan. Sesungguhnya perancangan ini amat penting dalam menentukan hala tuju dan panduan Jabatan dalam tempoh 5 tahun ke hadapan.

Cabaran utama yang dihadapi oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), ialah pembaharuan undang-undang terutama undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU dan kekurangan bilik bicara bagi menangani kes-kes tertunggak di Mahkamah. Pembaharuan undang-undang menjadi tanggungjawab utama yang mana BHEUU telah dilantik sebagai urus setia bagi Jawatankuasa Pembaharuan Undang-undang. Manakala keperluan menangani kekurangan bilik bicara pula dilihat lebih penting lagi apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan pelaksanaan enam National Key Results Areas (NKRA) pada 27 Julai 2009 di mana salah satunya ialah untuk menangani jenayah jalanan (street crimes) kerana ia memerlukan bilangan bilik bicara yang lebih banyak bagi memastikan hukuman dapat dibuat dan diputuskan dengan segera.

Pelan Strategik 5 Tahun ini adalah merupakan pernyataan dasar dan pelan tindakan dalam memenuhi hasrat RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN. Ia merupakan perancangan masa hadapan yang jelas, untuk meningkatkan keyakinan rakyat terhadap Sistem Pentadbiran Keadilan Negara.

Dengan adanya Perancangan Strategik ini menunjukkan bahawa BHEUU memainkan peranan secara berkesan sebagai pemelihara kepentingan awam. Untuk maju, kita mesti sentiasa berada di hadapan dan menerajui pembaharuan. Usaha ini adalah merupakan kesinambungan kepada transformasi berterusan Sektor Awam.

Sekian, terima kasih

(Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz)
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Sekapur Sirih

**Ketua Pengarah BHEUU,
Jabatan Perdana Menteri**

DATO' ABDULLAH SANI BIN AB HAMID



Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan rahmatNya Pelan Strategik Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (2010–2014) telah dapat disempurnakan perancangannya dan didokumentasikan melalui Buku Pelan Strategik BHEUU.

Perancangan Strategik 5 tahun ini adalah merupakan penentu kepada hala tuju dan panduan masa depan BHEUU. Ia telah disediakan dengan melihat kepada isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh BHEUU pada masa ini seperti pembaharuan undang-undang dan keperluan bilik-bilik bicara yang lebih banyak di mahkamah dan usaha meningkatkan imej pentadbiran keadilan di Negara ini. Di samping itu, BHEUU juga memainkan peranan yang penting dalam memantau sistem e-kehakiman Mahkamah dan membantu Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia dalam meningkat dan memantapkan penggunaan rangkaian ICT di kedua-dua jabatan berkenaan.

BHEUU sentiasa mempunyai aspirasi untuk memenuhi kehendak 'stakeholders' dan juga pelanggan. Pelanggan utama kita ialah Mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia. BHEUU adalah terlibat dalam merancang keperluan bilik-bilik bicara bagi Mahkamah terutama bagi menangani kes-kes tertunggak Mahkamah dan juga bagi mengadakan mahkamah khas untuk menguruskan jenayah jalanan (street crimes) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sebagai salah satu National Key Results Areas (N-KRAs). Di samping itu, BHEUU juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pembaikan dan menaik taraf kemudahan sedia ada di mahkamah, JBG dan JIM demi untuk meningkatkan lagi keselesaan kepada orang awam yang berurusan dengannya serta memberi perkhidmatan sokongan kepada Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia dalam pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan dan pengurusan ruang pejabat.

Pelan Strategik ini telah dirangka dengan mengambil kira keperluan agensi-agensi berkenaan bagi tempoh 5 tahun yang akan datang dan diharap dapat dijadikan panduan oleh semua peringkat pegawai dalam merealisasikan tugas-tugas mereka.

Akhir sekali, saya berharap semua warga BHEUU akan bekerjasama ke arah mencapai matlamat Pelan Strategik ini.

Sekian, terima kasih.

(Dato' Abdullah Sani bin Ab Hamid)
Ketua Pengarah



LATAR BELAKANG



Latar Belakang dan Fungsi BHEUU

Pelan
Strategik
(2010-2014)

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 iaitu setelah Kementerian Undang-Undang dibubarkan. Bahagian ini merangkumi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta serta Jabatan Pemegang Amanah Raya & Tadbir Pusaka.

Jabatan Pemegang Amanah Raya & Pentadbir Pusaka telah dikorporatkan pada 1 Ogos 1995 dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah diasingkan daripada BHEUU pada 1 Julai 1996. Oleh itu, BHEUU mentadbir Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Pemegang Harta (JPH). Jabatan ini (JPH) telah ditukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia pada 2003. Pada tahun 2003 juga, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah telah diletakkan di bawah pengurusan BHEUU sehingga sekarang. Pada 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman telah ditukar nama kepada Jabatan Bantuan Guaman (JBG).

BHEUU adalah bertanggungjawab kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pada masa ini disandang oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz.

Fungsi utama BHEUU adalah seperti berikut:-

1. Menyelaras penggubalan dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU;
2. Membuat penambahbaikan terhadap sistem pentadbiran keadilan Negara dengan merancang dan melaksanakan projek pembangunan fizikal dan IT mahkamah;
3. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah;
4. Urus setia Jemaah Pengampunan oleh Yang dipertuan Agong bagi kes-kes keselamatan dan kes-kes rayuan bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan;
5. Pemantauan Mesyuarat Jemaah Pengampunan di setiap Negeri;
6. Urus setia Pelantikan Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) memantau laporan tahunan SUHAKAM dan menyelaras maklum balas;
7. Menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk semua Cawangan di seluruh negara, dari segi pengurusan kewangan dan sumber manusia.

Fungsi setiap Cawangan adalah seperti berikut:-

a. Cawangan Perancangan dan Pembangunan Mahkamah

- (1) Merancang, mengawal dan menguruskan belanjawan pembangunan Mahkamah;

- (2) Bertanggungjawab untuk merancang keperluan kemudahan fizikal dan peralatan bagi aktiviti-aktiviti Mahkamah;
- (3) Menyelaras, mengesan dan menilai prestasi kemajuan pelaksanaan program dan projek;
- (4) Bertindak sebagai pegawai penguasa bagi kerja-kerja pembinaan Mahkamah;
- (5) Bertindak sebagai pegawai penguasa bagi kerja-kerja pembaikan bangunan Cawangan JBG dan JIM;

b. Seksyen Dasar dan Penyelidikan

- (1) Mengurus dan menyelaras penggubalan dasar-dasar Kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang;
- (2) Mentadbir Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258);
- (3) Mengurus mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan Negara;
- (4) Menjadi Urus setia Mesyuarat Jemaah Pengampunan bagi kes-kes rayuan pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan dan kes-kes Keselamatan seluruh negara;
- (5) Memantau Lembaga Pengampunan Negeri;
- (6) Mengurus semua urusan yang berkaitan dengan hal ehwal Kertas Jemaah Menteri dan maklum balas Jemaah Menteri;

- (7) Mengurus pelantikan Penasihat bagi Mahkamah Kanak-kanak di bawah Akta Anak 2001;
- (8) Menyelaras pelaksanaan Akta Perlindungan Saksi;
- (9) Memantau Laporan Tahunan SUHAKAM dan maklum balas; dan
- (10) Menjalankan kajian dan penyelidikan mengikut keperluan Jabatan.

c. Seksyen Sumber Manusia

- (1) Menguruskan dan menyediakan keperluan jawatan yang mencukupi;
- (2) Menguruskan pengisian jawatan secara berterusan mengikut peraturan-peraturan yang berkaitan sekurang-kurangnya dua kali setahun;
- (3) Menguruskan urusan perkhidmatan personel dengan kemas kini dan teratur;
- (4) Menyediakan program kursus yang sesuai untuk kemajuan personel;
- (5) Melaksanakan urusan-urusan kemajuan kerjaya personel dalam pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan;
- (6) Mengawal tatatertib melalui aktiviti dan pencegahan sewajarnya mengikut peraturan-peraturan yang berkaitan.

d. Seksyen Kewangan

- (1) Menguruskan Anggaran Belanjawan Tahunan;
- (2) Mengagih dan memantau peruntukan yang telah diluluskan dengan teratur mengikut keperluan jabatan-jabatan dan cawangan-cawangan di seluruh negara;
- (3) Membelanjakan peruntukan yang diagihkan mengikut perancangan yang telah ditetapkan;
- (4) Menguruskan pembayaran emolumen, bil-bil dan tuntutan pelbagai yang lain;
- (5) Menyelenggarakan dan mengemaskinikan rekod kewangan, Akaun Amanah dan Hasil mengikut peraturan-peraturan yang sedia ada;
- (6) Memproses permohonan Pembiayaan Kenderaan, Komputer, Pendahuluan Diri dan Pendahuluan Pelbagai;

- (7) Menguruskan perolehan;
- (8) Mengendalikan urusan Panjar Wang Runcit Jabatan;
- (9) Mengendalikan urusan penurunan kuasa bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan urusan kewangan; dan
- (10) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun;

e. Unit Khidmat Pengurusan

- (1) Menguruskan keselamatan dan kebersihan pejabat dengan memuaskan dan teratur;
- (2) Menguruskan kawalan pengurusan aset pejabat termasuk penyelenggaraan peralatan dan pelupusan;
- (3) Melaksanakan pengurusan stor di Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya;
- (4) Mengurus dan menyelia perjalanan kad perakam waktu, pas Jabatan dan pelekat kereta di peringkat Jabatan;
- (5) Menguruskan permohonan telefon pejabat, telefon bimbit, talian rasmi rumah pegawai yang layak di Jabatan;
- (6) Menguruskan majlis-majlis acara rasmi Jabatan dan agensi luar;
- (7) Menyelaras dan menguruskan Mesyuarat Pengurusan di peringkat Jabatan;
- (8) Menguruskan Persidangan Pegawai-pegawai Kanan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang;
- (9) Mengadakan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ);
- (10) Menguruskan penyewaan pejabat cawangan Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Insolvensi Malaysia termasuk menyediakan draf surat perjanjian penyewaan serta perpindahan pejabat;
- (11) Menguruskan kerja-kerja pengubahsuaian pejabat cawangan Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Insolvensi Malaysia serta kerja-kerja perpindahan pejabat;
- (12) Mengendalikan pelantikan syarikat pembersihan pejabat cawangan Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Insolvensi Malaysia dan penyediaan draf surat perjanjian;



(13) Memantapkan pengurusan Sistem Kualiti Standard MS ISO 9001:2000;

(14) Menguruskan penerimaan dan penghantaran surat-surat;

(15) Menguruskan hal ehwal Parlimen; dan

(16) Menguruskan penyewaan kereta rasmi Jabatan;

f. Seksyen Sistem Maklumat

(1) Merancang, membangun, melaksana dan menyelenggarakan sistem aplikasi yang telah dikenal pasti;

(2) Mengawal selia dan menyelaraskan pelaksanaan sistem aplikasi yang telah dan sedang dijalankan;

(3) Memastikan operasi harian peralatan sistem komputer berfungsi dengan baik dan di selenggara dengan sempurna;

(4) Menjamin tahap keselamatan data dan maklumat Kerajaan sentiasa terjamin dan terpelihara;

(5) Memberi khidmat sokongan teknikal yang diperlukan;

(6) Merancang dan membangunkan sumber ICT kakitangan;

(7) Melaksanakan naziran dan inspektorat peralatan sistem komputer di Bahagian dan semua Cawangan;

(8) Merangka, menyediakan dan melaksanakan Pelan Induk Strategik ICT Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang termasuk Jabatan Insolvensi Malaysia dan Jabatan Bantuan Guaman;

g. Unit Pengurusan Korporat dan Perhubungan Awam

(1) Merancang publisiti dan penerangan yang efektif mengenai aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan;

(2) Mengendalikan tugas-tugas berhubung media;

(3) Menjadi Jurucakap Jabatan;

(4) Menyelaraskan aduan dari orang awam dan maklum balas dari media cetak dan elektronik;

(5) Menyelaraskan pengeluaran Buletin dan Laporan Tahunan Jabatan;

(6) Menyelaraskan program lawatan bagi semua pelawat rasmi ke Jabatan;

h. Unit Undang-Undang

(1) Menasihati Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya dalam aspek perundangan;

(2) Mentadbir akta/kaedah/peraturan yang di bawah pentadbiran Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya;

(3) Meneliti dan memastikan perjanjian/kontrak yang dimasuki oleh Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang dan menjaga kepentingan Kerajaan;

(4) Meneliti dan memastikan permohonan pemegang amanah mematuhi peruntukan dalam Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952;

(5) Meneliti dan memastikan permohonan surat permintaan dari negara luar untuk bantuan perundangan dalam prosiding mahkamah luar negara mematuhi peruntukan dalam Aturan 66 Kaedah 3 Kaedah Mahkamah Tinggi 1980;

(6) Membantu Seksyen Dasar dalam pengendalian aktiviti-aktiviti di bawah Projek Pembaharuan Pemberian Keterangan Oleh Kanak-kanak Di Mahkamah;

(7) Menghadiri persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara semasa Pembentangan Rang Undang-Undang yang melibatkan Bahagian atau Jabatan di bawahnya;

Visi, Misi, Objektif & Kod Etika

Pelan
Strategik
(2010-2014)

Visi

Misi

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan Negara.

Merancang dan membangun infrastruktur mahkamah, menggubal dasar dan undang-undang yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU serta menyelia pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Objektif

Memastikan perancangan dan pelaksanaan prasarana bagi sistem pentadbiran keadilan, penggubalan dasar dan undang-undang dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan.

Memberi perkhidmatan sokongan yang berkualiti kepada Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Kod Etika

Adalah berteraskan kepada tiga elemen:

1. *Integriti* : Amanah, Ikhlas, Telus
2. *Profesionalisme* : Adil, Bijaksana, Inovatif
3. *Komitmen* : Dedikasi, Disiplin, Iltizam



Stakeholders dan Pelanggan

Pelan
Strategik
(2010-2014)

STAKEHOLDERS

- i) Jabatan Perdana Menteri
- ii) Jemaah Menteri
- iii) Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- iv) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri

PELANGGAN

- i) Jabatan Bantuan Guaman
- ii) Jabatan Insolvensi Malaysia
- iii) Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan
- iv) Agensi Kerajaan
- v) Pertubuhan Bukan Kerajaan
- vi) Syarikat Swasta

PIAGAM PELANGGAN

Kami bertekad dan berjanji:

- *Memastikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual;*
- *Memastikan maklum balas kepada pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;*
- *Mengemukakan surat kelulusan penubuhan Yayasan Amanah dalam tempoh 3 hari dari tarikh surat kelulusan diterima daripada YB Menteri;*
- *Melaksanakan urusan-urusan berkaitan khidmat pengurusan bagi memastikan kualiti perkhidmatan, urusan penyelenggaraan, keselamatan dan kebersihan bangunan sentiasa berada di tahap yang terbaik;*
- *Memberi perkhidmatan yang cemerlang melalui perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar pengurusan sumber manusia berasaskan undang-undang, dasar dan peraturan; dan*
- *Memastikan pelan strategik ICT dapat dilaksanakan mengikut perancangan.*

CARTA ORGANISASI



 12
www.bheuu.gov.my



KENYATAAN DASAR



KENYATAAN DASAR

Keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang menjadi asas kepada amalan sistem demokrasi berparlimen dan sistem Kerajaan berasaskan pembahagian kuasa di antara badan-badan Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman. Bagi mendukung badan kehakiman, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU-JPM) yang terdiri dari Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) telah pun menyasarkan misi dan objektif untuk menyelia pentadbiran Jabatan di bawahnya, merancang dan membangunkan infrastruktur Mahkamah serta mencetuskan inisiatif baru ke arah penambahbaikan dalam sistem pentadbiran keadilan negara berdasarkan kehendak Kerajaan dan keperluan masyarakat,

Di antara peranan dan fungsi utama BHEUU adalah sebagai Agensi Pelaksana Sektor Awam yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan dengan berorientasikan nilai kemanusiaan sejagat serta mengamalkan budaya kerja cemerlang yang berterusan. BHEUU dirangka untuk memandu dan mentadbir Jabatan di bawahnya dengan cekap, teratur, selari dengan dasar Kerajaan dan memenuhi kehendak rakyat melalui proses penambahbaikan ke atas peruntukan undang-undang dan pelaksanaannya.

Selaras dengan penentuan teras untuk menyediakan prasarana bertaraf kelas pertama kepada Mahkamah, JBG Dan JIM tersebut BHEUU telah merangka berbagai strategi pencapaian seperti berikut:-

1.1 Menyediakan Infrastruktur Fizikal Yang Mencukupi Bagi membolehkan Urusan Pentadbiran Kehakiman Berjalan Lancar.

Organisasi Institusi Kehakiman moden telah wujud sejak zaman penjajahan British lagi. Skop, bidang kuasa dan beban kerja Badan Kehakiman telah berkembang dan diperluaskan sejak kemerdekaan, khususnya dengan bertambahnya bilangan penduduk serta aktiviti ekonomi dan komersial dalam tempoh 47 tahun kebelakangan ini. Walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan fizikal serta teknologi Mahkamah tidak disediakan selari dengan perkembangan dalam aktiviti kehakiman. Bangunan-bangunan yang dibina sebelum Perang Dunia Kedua (Pre-War Buildings) masih digunakan sebagai Mahkamah dan ruang sedia ada di bangunan-bangunan tersebut telah tidak lagi memadai untuk keperluan semasa Badan Kehakiman. Kedudukan ini telah menjejaskan pentadbiran kehakiman dan telah

menyumbangkan kepada kes-kes yang tertunggak di Mahkamah seluruh negara. Jika keadaan ini berterusan, ianya boleh memudaratkan hak asasi rakyat serta kepentingan ekonomi negara.

Bagi mengatasi masalah di atas dan untuk memenuhi keperluan semasa Badan Kehakiman, BHEUU telah pun mengambil tindakan strategik seperti berikut:-

- a) Membina bangunan-bangunan Mahkamah baru bagi menggantikan bangunan Mahkamah yang ditempatkan di ruang yang disewa.
- b) Membina Bangunan-bangunan Mahkamah yang mempunyai satu atau dua buah bilik bicara di daerah-daerah pentadbiran yang tidak mempunyai Bangunan Mahkamah. Ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang ramai berurusan dengan pihak Mahkamah.
- c) Membantu menyentralisasikan Mahkamah-Mahkamah yang besar ke beberapa buah tempat yang berhampiran. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah kesesakan di sebuah tempat dan di samping itu akan memudahkan lagi orang ramai berurusan dengan Mahkamah.

1.2 Mempertingkatkan Kemudahan-Kemudahan Sedia Ada Di Mahkamah.

Bagi mengekalkan keselesaan anggota Mahkamah dan juga orang ramai yang berurusan dengannya, bangunan-bangunan Mahkamah perlu diselenggarakan dengan sempurna secara berterusan. Bagi maksud tersebut peruntukan kewangan senantiasa diperlukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan awam serta membaiki bangunan-bangunan Mahkamah yang sedia ada di sebanyak 113 lokasi di seluruh negara.

Di samping penyelenggaraan biasa, BHEUU telah juga merancang untuk membesarkan ruang kerja Mahkamah selaras dengan keperluan semasa. Kebanyakan bangunan-bangunan Mahkamah yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan semasa. Untuk itu ruang-ruang tambahan dicadangkan untuk dibina bagi mengadakan bilik-bilik seperti perpustakaan, kantin, stor, bilik fail, bilik sembahyang dan pembesaran ruang kaunter orang awam.

Memandangkan Mahkamah merupakan sasaran bagi perbuatan khianat maka aspek-aspek keselamatan fizikal Mahkamah akan dipertingkatkan lagi. Telah menjadi dasar BHEUU untuk mengadakan pagar keselamatan untuk semua Mahkamah. Di samping

itu Mahkamah juga akan dilengkapi dengan sistem pencegah kebakaran. Memandangkan sering kali kebakaran bangunan dikaitkan dengan masalah pendawaian elektrik, maka BHEUU dengan kerjasama pihak JKR sedang mengambil tindakan untuk memeriksa dan di mana perlu membuat pendawaian yang baru di bangunan-bangunan Mahkamah seluruh negara.

1.3 Memastikan Keselesaian Penginapan Dan Keselamatan Hakim.

Bagi mengekalkan keselesaian Hakim Mahkamah Tinggi khususnya berkaitan dengan penginapan, BHEUU telah merancang pembinaan rumah-rumah kediaman rasmi Hakim di beberapa lokasi terpilih. Kebanyakan Hakim Mahkamah Tinggi telah tidak dibekalkan rumah rasmi kerajaan (*institutional quarters*) dan terpaksa menyewa rumah atau menduduki kuarters Kerajaan Negeri. Keadaan ini agak menyusahkan kerana kesukaran mendapatkan rumah Kerajaan Negeri dan rumah sewa yang sesuai dengan taraf Hakim pada kadar yang munasabah.

Selain daripada itu, kesukaran mendapatkan rumah sewa yang sesuai dari segi lokasi dan dari aspek keselamatan. Kebanyakan rumah sewa tidak dibekalkan dengan kelengkapan dan kemudahan yang setanding dengan taraf/kedudukan Hakim. Memandangkan kebanyakan rumah sewa terletak di kawasan perumahan, keselamatan Hakim juga turut terjejas kerana terdedah kepada orang awam. Adalah menjadi harapan BHEUU bahawa dengan wujudnya rumah kediaman yang rasmi, rumah-rumah tersebut dapat diselenggarakan dan dikawal mengikut keperluan.

1.4 Menyediakan Kemudahan Penyimpanan Fail/ Dokumen Secara Berpusat

Mengikut peraturan semasa dan keputusan Jemaah Menteri, fail-fail Mahkamah sedia ada tidak boleh dilupuskan walaupun telah berusia lebih daripada 40 tahun. Tambahan pula fail dan dokumen tersebut sentiasa perlu dirujuk semula dan memerlukan penyimpanan yang sistematik dan teratur. Bilangan fail yang semakin bertambah setiap hari menyebabkan ruang bagi menempatkan fail semakin sempit dan padat. Sebahagian besar ruang-ruang di premis Mahkamah telah digunakan secara optimum. Fail-fail tersebut adalah dokumen yang dilindungi dan ianya perlu dipelihara supaya tidak mampat dan tidak dipadatkan sepenuhnya ke dalam premis mahkamah.

Bagi tujuan ini BHEUU telah merancang pembinaan bangunan khas bagi keperluan penyimpanan secara berpusat mengikut zon di mahkamah seluruh negara dengan mengambil kira ruang yang luas, keselamatan dan pengudaraan. Selain daripada itu, perancangan ini juga dipanjangkan untuk pembinaan pusat rekod Jabatan Insolvensi Malaysia yang juga menghadapi masalah penyimpanan fail.

1.5 Bangunan Guna sama Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia.

Buat masa ini ruang pejabat Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) dan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) ditempatkan di premis swasta yang disewa. Bidang tugas JIM dan JBG masing-masing merangkumi aspek pentadbiran kebangkrutan dan khidmat bantuan guaman.

BHEUU telah pun merancang untuk membina bangunan baru bagi menempatkan secara guna sama ruang pejabat cawangan JIM dan JBG di beberapa lokasi di ibu negeri terpilih. Bangunan baru tersebut akan mengandungi ruang kerja serta bilik-bilik sokongan seperti perpustakaan, bilik fail, kafeteria, surau dan lain-lain.

1.6 Peningkatan Sistem Pengkomputeran

Peningkatan sistem pengkomputeran adalah merupakan salah satu alternatif untuk mengatasi masalah-masalah Jabatan. Sistem ini yang akan merangkaikan Ibu Pejabat dengan kesemua cawangan-cawangan di seluruh Negara akan dapat memudahkan urusan pengendalian kes-kes secara on-line dan mengurangkan kelemahan dalam pemberian perkhidmatan kepada pelanggan. Peringkat permulaan sistem komputer ini perlu sentiasa dikaji dan dipertingkatkan untuk memenuhi kehendak pelanggan dan jabatan. Pembaharuan-pembaharuan ini akan dapat mengurangkan masa dan tenaga serta meningkatkan kecekapan jabatan dalam pemberian perkhidmatan kepada pelanggan masing-masing.

a. Strategi Pengkomputeran Jangka Pendek

- Mengadakan smart-partnership dengan pihak swasta untuk mempertingkatkan keberkesanan aktiviti Bahagian dan Jabatan
- Memperkemas dan memperkukuh struktur organisasi
- Memantapkan sistem pentadbiran dan memperkemaskan prosedur kerja;



- *Bekerjasama dengan pelanggan untuk merancang keperluan-keperluan pembangunan dan kemudahan Mahkamah.*

b. Strategi Pengkomputeran Jangka Panjang

- *Melaksanakan konsep Kerajaan Elektronik (E-Government) dengan segala urusan dilakukan secara elektronik tanpa kertas (paperless);*
- *Melaksanakan rancangan ICT menyeluruh (ICT Master Plan) untuk Jabatan dan Agensi-agensi di bawahnya;*
- *Menjalan dan mempertingkatkan penyelidikan dan membuat penambahbaikan ke atas sistem kerja sedia ada;*
- *Menyediakan infrastruktur fizikal yang mencukupi bagi membolehkan urusan pentadbiran kehakiman berjalan lancar.*

1.7 Kegunaan Sumber Tenaga Manusia Sedia Ada Secara Optimum (Deployment)

Bagi menggalakkan penggunaan tenaga kerja ke tahap yang optimum dan cekap, pengagihan semula tugas dilakukan terhadap sumber tenaga manusia sedia ada dari semasa ke semasa. Tindakan ini diambil dengan cara membuat kajian dan memperkenalkan perubahan dan inovasi dalam melaksanakan sesuatu tugas. Ianya akan dapat mengurangkan pembaziran dari mengelakkan pertindihan dalam sesuatu tugas yang dilakukan. Selain daripada itu, office automation dan pengkomputeran akan dapat mengurangkan penggunaan sumber manusia bagi tugas-tugas yang dilakukan secara manual dan selaras dengan tujuan Kerajaan untuk mencapai saiz perkhidmatan awam yang optimum (right sizing).



TERAS 1

Memantapkan sistem pentadbiran keadilan melalui penyelarasan penggabalan dasar-dasar kerajaan

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
1.	Program Perlindungan Saksi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009	(i) Melindungi saksi daripada diancam (ii) Mewujudkan sebuah agensi pelaksana bagi melaksanakan program ini.	- Sokongan agensi pusat dan kerjasama agensi berkaitan - Peruntukan kewangan - Perjawatan	2010	2014	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	- 1 Agensi Pelaksana melindungi saksi ditubuhkan - Akta Perlindungan Saksi dikuatkuasakan
2.	Penyelarasan Pentadbiran Keadilan	Memantapkan sistem Pentadbiran keadilan.	- Kerjasama dan komitmen agensi berkaitan - Peruntukan Kewangan	2010	2014	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	- Memastikan Jawatankuasa Pentadbiran Keadilan bersidang secara berkala (3 kali setahun) - Keyakinan rakyat terhadap sistem pentadbiran keadilan meningkat - Pertambahan Bilik Bicara - Kes-kes tertunggak dapat dikurangkan - Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang - Menyediakan dokumen kerjasama bagi memudahkan tindakan agensi-agensi pelaksana

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
3.	Program Kajian dan Penyelidikan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007	Mengkaji keberkesanan pelaksanaan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 dan mengenal pasti masalah pelaksanaananya.	- Kerjasama agensi-agensi pelaksana seperti PDRM, JKM Mahkamah, Kem Pembangunan Wanita dan Masyarakat - Peruntukan Kewangan	2010	2014	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	
4.	Pangkalan Data SUHAKAM (Isu, Laporan, Pelantikan dan Tempoh Pelantikan anggota SUHAKAM)	(i) Meningkatkan imej Kerajaan (ii) Menyelaras dan memantau maklum balas atas Laporan Tahunan SUHAKAM	- Kepakaran menjalankan kajian - Tenaga kerja yang mencukupi - Peruntukan Kewangan	2010	2014	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	- Bank data berkaitan SUHAKAM dapat diwujudkan
5.	Kajian dan Penambahbaikan Akta Pemegang Amanah (Pemberbadanan) 1952	(i) Memantapkan lagi Akta sedia ada supaya lebih seragam, teratur dan komprehensif (ii) Membuat peraturan-peraturan yang sesuai manfaat bagi pelaksanaan Akta dengan lebih berkesan.	- Kerjasama dan komitmen dengan agensi berkaitan - Peruntukan Kewangan	2010	2014	Seksyen Dasar dan Penyelidikan	- Peraturan bagi Akta 258 diwartakan



TERAS 2

Menyediakan prasarana bertaraf kelas pertama kepada mahkamah, BBG dan JIM

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
1.	Merancang dan membina bangunan Mahkamah Baru	(i) Memastikan kemudahan fizikal Mahkamah, BBG dan JIM disediakan secukupnya. (ii) Membantu mengurangkan kes-kes tertunggak.	- Kerjasama daripada agensi berkaitan: Mahkamah, JKR, EPU, ICU, MOF, JKR, JKPTG, JPM - Peruntukan kewangan yang mencukupi	2010	2014	Seksyen Perancangan Dan Pelaksanaan Projek	104 bilik bicara (tambahan) disiapkan.
2.	Pembaikan/Ubahsuai dan Pembekalan Alat-Alat Kemudahan	(i) Melaksanakan pembaikan dan menaik taraf kemudahan sedia ada di Mahkamah, BBG dan JIM bagi meningkatkan kesesuaian kakitangan dan orang awam yang berurusan dengannya	- Kerjasama daripada agensi berkaitan: Mahkamah, JKR, EPU, ICU, MOF, JKPTG, JPM	2010	2014	Seksyen Perancangan Dan Pelaksanaan Projek	Semua kerja-kerja ubah suai dan naik taraf yang dikenal pasti dapat disiapkan 100% Meningkatkan kesesuaian kakitangan dan pelanggan mahkamah

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
3.	Pembinaan Rumah Kediaman Rasmi Hakim di lokasi yang strategik	(i) Mempertingkatkan keselamatan dan keselesaan Hakim (ii) Memudahkan urusan penyelenggaraan (iii) Penjimatan kos penyewaan bagi jangka panjang	- Peruntukan kewangan yang mencukupi - Kerjasama daripada agensi berkaitan: Mahkamah, JKR, EPU, ICU, MOF, JKR, JKPTG, JPM - Peruntukan kewangan yang mencukupi	2010	2014	Seksyen Perancangan Dan Pelaksanaan Projek	7 rumah kediaman rasmi Hakim disediakan.
4.	Membina/Memperoleh Bangunan Guna sama Biro Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia di lokasi yang terpilih	(i) Menyediakan ruang pejabat yang selesa bagi kakitangan dan pelanggan dan mencukupi	- Kerjasama daripada agensi berkaitan: Mahkamah, JKR, EPU, ICU, MOF, JKPTG, JPM - Peruntukan kewangan yang mencukupi	2010	2014	Seksyen Perancangan Dan Pelaksanaan Projek	3 buah bangunan Guna sama BBG dan JIM di bandar-bandar utama disediakan.



BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
5.	Menyediakan kemudahan Penyimpanan Fail dan dokumen bagi Mahkamah dan Jabatan Insolvency Malaysia Secara Berpusat	(iii) Memastikan keselamatan penyimpanan fail dan dokumen (iv) Memastikan fail dan dokumen dapat disimpan dalam keadaan sistematik dan teratur	- Kerjasama daripada agensi berkaitan: Mahkamah, JKR, EPU, ICU, MOF, JKPTG, JPM - Peruntukan kewangan yang mencukupi	2010	2014	Seksyen Perancangan Dan Pelaksanaan Projek	Tiga buah bangunan penyimpanan fail (mengikut zon) disiapkan.

TERAS 3

Memperkasakan Penggunaan ICT Untuk Meningkatkan Kecekapan Sistem Pentadbiran Keadilan

BIL.	PROGRAM	OBJEKTIF	FAKTOR PENENTU KEJAYAAN	TEMPOH		PELAKSANA @ PEMEGANG AMANAH	PENANDA ARAS (KPI)
				MULA	AKHIR		
1.	PEMANTAPAN SISTEM APLIKASI						
1.1	Peningkatan dan Penambahbaikan sistem Sedia ada						
a.	Penambahbaikan sistem e-Pengampunan	Meningkatkan fungsi sistem sedia ada supaya relevan dengan keperluan semasa	- Kerjasama Seksyen Dasar & Penyelidikan - Kemahiran teknikal - Sumber Manusia	2010	2014	- Seksyen Dasar & Penyelidikan - Seksyen Teknologi Maklumat	100% pengguna sasaran menggunakan sistem - Penambahbaikan sistem mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan
b.	Portal Rasmi Jabatan	Memastikan portal rasmi Jabatan antara yang terbaik dalam pentadbiran awam	- Komitmen pengguna - Kemahiran teknikal - Sumber Manusia	2010	2014	- Seksyen Teknologi Maklumat - Unit Korporat - Seksyen-seksyen dan Jabatan di bawah BHEUU	100% memenuhi ciri-ciri asas Portal Kerajaan pada 2010 - Mendapat sekurang-kurangnya kedudukan ke 3 laman web agensi di bawah JPM
c.	Penambahbaikan Sistem CMS BBG	Meningkatkan fungsi sistem sedia ada supaya relevan dengan keperluan semasa	- Komitmen pengguna - Kemahiran teknikal - Sumber Manusia	2010	2014	- BBG - Seksyen Teknologi Maklumat	100% pengguna sasaran menggunakan sistem 100% modul dalam sistem digunakan - Penambahbaikan sistem mengikut spesifikasi dan tempoh masa yang ditetapkan



